



**PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BIL. 2 TAHUN 2013**

Kepada Semua Pegawai Pengawal,

**GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN
CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN TAHUN 2014**

TUJUAN

1. Tujuan Pekeliling ini adalah untuk memberi garis panduan kepada Pegawai Pengawal bagi penyediaan cadangan anggaran belanja mengurus, pembangunan dan anggaran kutipan hasil untuk tahun 2014 bagi Jabatan- jabatan di Negeri Selangor.

EKONOMI NEGERI SELANGOR

2. Pertumbuhan KDNK bagi Negeri Selangor pada tahun 2012 meningkat berbanding pertumbuhan pada tahun 2011. Peningkatan ini diunjurkan akan terus meningkat bagi tahun 2013. Pertumbuhan KDNK Negeri Selangor bermula dari tahun 2008

bagaimanapun KDNK Negeri Selangor pada tahun 2009 mencatatkan penurunan ekonomi pada kadar -1.6% akibat ketidakstabilan ekonomi global.

3. Bagi merealisasikan peningkatan KDNK yang diunjurkan bagi tahun 2013, Kerajaan Negeri terus komited mengekalkan Belanjawan Berimbang bagi mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri. Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri yang memastikan perbelanjaan berhemat serta mengutamakan nilai untuk wang (*value for money*).

DASAR-DASAR UTAMA KERAJAAN NEGERI

4. Dalam menyediakan Anggaran Perbelanjaan tahun 2014, dasar dan inisiatif yang digariskan oleh Kerajaan Negeri dalam usaha merakyatkan ekonomi Negeri serta menjadi sebuah Negeri maju hendaklah dijadikan panduan oleh Jabatan-jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri dalam merangka program/aktiviti/projek berdasarkan fungsi masing-masing.
5. Perancangan dan pelaksanaan program/aktiviti/projek perlu mengambil kira faktor keberhasilan (*outcome*) dan impak serta elemen pengukuran prestasi (*performance measurement*). Ia antara lain bertujuan meningkatkan keberkesanan perbelanjaan awam di samping membantu dalam pengukuran pencapaian sesuatu dasar atau inisiatif Kerajaan Negeri.

6. Antara dasar dan inisiatif utama semasa yang mesti diberi keutamaan adalah dengan mengambil kira keperluan holistik pembangunan fizikal dan manusia, pengukuhan prinsip serta kecekapan, ketelusan dan kebertanggungjawaban pengurusan dan keseimbangan bagi membolehkan hasil optimum dapat dicapai.
7. Pegawai Pengawal adalah diminta untuk memberi perhatian yang serius terhadap pengurusan kewangan Jabatan masing-masing serta memastikan teguran yang dibangkitkan di dalam Laporan Tahunan Ketua Audit Negara diambil tindakan sewajarnya dan tidak berulang. **Sekiranya tindakan sewajarnya tidak diambil ke atas mana-mana teguran audit berkenaan atau kesalahan yang sama didapati berulang, tindakan tegas boleh dikenakan ke atas Pegawai Pengawal terlibat.**
8. Bagi tanggungan tahun lalu yang belum dijelaskan atau pelaksanaan sesuatu keputusan baru, perbelanjaan hendaklah ditampung melalui penjimatan peruntukan tahun semasa atau dilakukan secara *trade-off* dengan peruntukan sedia ada. **Sebarang permohonan peruntukan tambahan adalah tidak dibenarkan melainkan dalam keadaan yang mendesak.**
9. Justeru itu, Anggaran Perbelanjaan bagi tahun 2014 diperkukuhkan dengan tumpuan kepada strategi utama seperti berikut:
 - 9.1 Memperkasakan Pengurusan Tenaga Kerja, Sumber Kewangan, Pentadbiran dan Aset Negeri;
 - 9.2 Melestarikan Pembangunan Inovasi & Moden;

- 9.3 Memperkukuhkan Kualiti Hidup Rakyat; dan
- 9.4 Mempertingkatkan kutipan hasil sedia ada dengan berkesan di samping menjana sumber hasil baru.

PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN BELANJA MENGURUS (ABM) TAHUN 2014

10. Bagi mencapai matlamat Kerajaan Negeri untuk mengurus perbelanjaan secara lebih berkesan dan memastikan perbelanjaan awam adalah berteraskan kepada prinsip penggunaan sumber hasil secara optimum, mengutamakan nilai untuk wang (*value for money*), serta mengekalkan belanjawan berimbang. Pegawai Pengawal diminta mengamalkan pengurusan berhemat dengan melaksanakan program dan aktiviti secara efektif dan efisien melalui kawalan perbelanjaan yang cekap dan produktif serta berintegriti.
11. Pegawai Pengawal hendaklah memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut semasa menyediakan ABM:
- 11.1 Memastikan pembelian aset Kerajaan dibuat **penilaian mengikut keperluan dan keutamaan** sebelum pembelian dibuat bagi mengelakkan pembaziran;
 - 11.2 **Memastikan penyelenggaraan aset Kerajaan** terutamanya yang berkontrak termasuk bangunan, peralatan dan kelengkapan disediakan peruntukan mencukupi;

- 11.3 **Merangka program dan aktiviti yang boleh memberikan anjakan paradigma terhadap tenaga kerja, sumber kewangan, Pentadbiran dan aset Negeri dengan mengekalkan perbelanjaan berhemat serta mengutamakan nilai untuk wang (*value for money*);**
- 11.4 **Mengawal dan memastikan perbelanjaan yang dibuat selaras dengan Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) agar rakyat mendapat impak yang maksima dalam setiap program yang dianjurkan; dan**
- 11.5 **Menggalakkan penambahbaikan serta inovasi dalam setiap proses kerja selaras dengan peredaran masa agar sistem penyampaian perkhidmatan awam lebih efektif serta efisien.**

12. Formula pengiraan Batas Perbelanjaan bagi tahun 2014 adalah seperti berikut:

(Expenditure Target) ET 2014

= 3% Emolumen 2013 + Dasar Sedia Ada 2013 + (Dasar Baru 2013 - Dasar Baru yang tidak dibelanjakan 2012).

13. Pegawai Pengawal hanya perlu mengemukakan perbelanjaan **Dasar Baru** dan **'One-Off'** ke Perbendaharaan Negeri. Pegawai Pengawal juga dikehendaki mengemukakan **Nilai Threshold** sebagai langkah-langkah penjimatan bagi melaksanakan program/aktiviti dalam menyediakan Dasar Baru dan **'One Off'**.
14. **Cadangan Penjimatan** hendaklah dikemukakan selaras dengan prinsip penjimatan kos akibat pengubahsuaian ataupun pemansuhan terus Dasar Sedia ada yang mencapai objektifnya, di perkecilkan ataupun tidak lagi sesuai.

15. Pegawai Pengawal masih perlu mengemukakan justifikasi lengkap bagi permohonan yang melibatkan kedua-dua perkara tersebut. Ini termasuklah kelulusan dasar yang diputuskan melalui mesyuarat jabatan sebelum permohonan peruntukan dikemukakan kepada Perbendaharaan.

PENYEDIAAN CADANGAN BELANJA PEMBANGUNAN TAHUN 2014

16. Tahun 2013 adalah tahun ketiga dalam Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMKe-10). Justeru itu, Pegawai Pengawal perlu memastikan projek RMKe-10 diteruskan dengan mengikut jadual pelaksanaan dan dipantau agar pelaksanaan projek berjalan lancar.

17. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan peruntukan yang dipohon mengambil kira keupayaan melaksana oleh semua pihak berasaskan perancangan yang rapi serta keperluan aliran tunai sebenar bagi tahun tersebut dengan menyediakan jadual kerja serta memastikan pelaksanaan sesuatu program/aktiviti/projek hendaklah dibuat berdasarkan jumlah peruntukan yang telah diluluskan. Semua perbelanjaan hendaklah dirancang dengan teliti dan dipastikan mempunyai jadual pelan tindakan supaya tidak melebihi peruntukan yang disediakan serta mengelakkan pembaziran dan perbelanjaan melebihi siling peruntukan yang ditetapkan.

PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN HASIL TAHUN 2014

18. Cadangan penyediaan anggaran hasil bagi tahun 2014 hendaklah disediakan dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:

- i. Meneliti rekod prestasi hasil tiga (3) tahun ke belakang kutipan hasil;
- ii. Mengambil kira perubahan dasar, peraturan atau kadar ; dan
- iii. Kemampuan kutipan tunggakan hasil.

19. Setiap butiran hasil yang disediakan hendaklah mengandungi perkiraan yang terperinci dengan memberikan asas-asas yang tepat dengan kadar, jumlah dan sebagainya untuk menentukan jumlah hasil yang sepatutnya dipungut bagi tahun 2014.

20. Pegawai Pengawal/ Pemungut hendaklah menyatakan keupayaan untuk memungut setiap jenis hasil bagi tahun semasa dan 2014 serta keupayaan memungut tunggakan terkumpul tahun-tahun sebelumnya seperti berikut:

- i. Jumlah hasil sebenar tahun 2012
- ii. Anggaran bagi tiap-tiap jenis hasil tahun 2013; dan
- iii. Anggaran bagi tiap-tiap jenis hasil tahun 2014.

PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN TAHUN 2014

21. Tatacara menyediakan Anggaran Perbelanjaan tahun 2014 adalah seperti di bawah dan perlu dikemukakan ke Perbendaharaan Negeri berserta dokumen-dokumen berikut:

- | | |
|--|-------------------|
| i. Program dan Prestasi | LAMPIRAN 1 |
| Kemukakan ke Bahagian Belanjawan melalui 1 salinan ' <i>hardcopy</i> ' dan ' <i>soft copy</i> '. | |
| ii. Perbelanjaan Tanggungan dan Bekalan | |
| a. Ringkasan Dasar Baru dan ' <i>One Off</i> ' | LAMPIRAN 2 |
| b. Cadangan Dasar Baru | LAMPIRAN 3 |
| c. Cadangan ' <i>One Off</i> ' | LAMPIRAN 4 |
| iii. Anggaran Belanja Pembangunan | LAMPIRAN 5 |
| a. Anggaran Belanja Pembangunan
(Rumusan Perbelanjaan Pembangunan) | |
| iv. Anggaran Hasil Negeri | LAMPIRAN 6 |
| a. Cadangan Anggaran Hasil | |
| iv. Anggaran Perbelanjaan Emolumen | LAMPIRAN 7 |

PENYERAHAN ANGGARAN PERBELANJAAN TAHUN 2014

22. Penyerahan anggaran perbelanjaan tahun 2014 mestilah menggunakan format-format di atas dan hendaklah dikemukakan tidak lewat pada **26 April 2013** dengan jumlah salinan seperti berikut:-

- i) **Tiga (3) naskhah Cadangan Anggaran Belanja Mengurus;**
- ii) **Tiga (3) naskhah Cadangan Anggaran Belanja Pembangunan;**
dan

- iii) **Tiga (3) naskhah Cadangan Anggaran Hasil Negeri.**

PEMERIKSAAN BAJET (*BUDGET VETTING*) TAHUN 2014

23. Pemeriksaan cadangan anggaran perbelanjaan mengurus, perbelanjaan pembangunan dan cadangan anggaran hasil jabatan-jabatan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor akan diadakan mulai **6 Mei 2013**. Jabatan-jabatan akan dimaklumkan melalui surat rasmi dan Pegawai Pengawal adalah dipohon untuk turut hadir dalam pemeriksaan tersebut.

PENUTUP

24. Dalam penyediaan Anggaran Belanjawan 2014 di bawah Pekeliling ini, Pegawai Pengawal yang memerlukan maklumat lanjut atau panduan boleh menghubungi **Bahagian Belanjawan, Pejabat Perbendaharaan Negeri Selangor** di talian 03-5544 7106 / 7206.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(DATO' NOORDIN BIN SULAIMAN)
Pegawai Kewangan Negeri
Selangor Darul Ehsan.

Tarikh: 25 Mac 2013

Salinan kepada:

- i. Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor.
- ii. Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.
- iii. Semua Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor.
- iv. Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor.

SENARAI LAMPIRAN

SENARAI LAMPIRAN	NAMA BORANG
LAMPIRAN 1	Penyediaan Program dan Prestasi
LAMPIRAN 2	ABM5-PP-CDB & OF Ringkasan Cadangan Dasar Baru dan 'One Off'
LAMPIRAN 3	ABM2-7(PP)CDB • Anggaran Perbelanjaan Mengurus mengikut Objek Sebagai –Dasar Baru ABM5(A)-CDB • Cadangan Dasar Baru ABM6-(PP)CP • Format Cadangan Penjimatan ABM8-(PP)JJB • Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2014 – Justifikasi Jawatan Baru ABM5-(PP) • Laporan Perbelanjaan Bulanan
LAMPIRAN 4	ABM2-7 (PP) "OFF" • Anggaran Perbelanjaan Mengurus mengikut Objek Sebagai – One Off ABM5(B)- (PP) "OFF" • Cadangan One Off ABM6-(OF)CP • Format bagi Cadangan Penjimatan ABM8-(PP)JJB • Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2014-Justifikasi Jawatan Baru

LAMPIRAN 5	Rumusan Cadangan Perbelanjaan Pembangunan tahun 2014 Format AP.2 • Butir-butir lanjut projek dan anggaran pembangunan tahun 2014 Format AP.3 Ringkasan Anggaran Pembangunan tahun 2014
LAMPIRAN 6	AHNN2 • Butir-butir Anggaran Hasil mengikut Objek Sebagai AHN1 • Ringkasan Hasil mengikut objek sebagai
LAMPIRAN 7	ABM3(1)-(PP & KK) • Keperluan Emolumen kakitangan tetap tahun 2014 ABM3(1)-(PP & KK) • Keperluan Emolumen kakitangan kontrak tahun 2014 ABM3(1)-(PP & KK) • Keperluan Emolumen kakitangan sementara dan sambilan tahun 2014